

18/05/2002

Singapura dakwa Malaysia lancar perang psikologi

KUALA LUMPUR, Jumaat - Singapura mendakwa kritikan Malaysia mengenai beberapa isu yang dibangkitkan sebelum ini, sebagai satu bentuk "perang psikologi" untuk melemahkan moral dan kedudukan republik itu dalam rundingan isu dua hala yang lama tertangguh.

Dalam penjelasannya kepada Parlimen kelmarin, Menteri Luarnya Prof S Jayakumar, berkata Singapura sepatutnya mengambil dakwaan yang dianggap sebagai satu serangan itu, dengan caranya tersendiri dan tidak terlalu emosi.

"Mereka (Malaysia) membentuk satu perang psikologi untuk melemahkan moral dan melembutkan situasi kita dalam hal rundingan atau perbincangan (mengenai isu tertangguh)," katanya dalam petikan laporan Singapore Straits Times semalam.

Beliau berkata demikian ketika membuat penjelasan kepada beberapa Ahli Parlimen yang membangkitkan isu berkaitan hubungan republik itu dengan negara ini, ketika membahaskan belanjawan kementerianya.

Laporan itu berkata, Prof Jayakumar berkata, kritikan Malaysia tidak akan menjejaskan hubungan Singapura dalam mencari bidang kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

"Namun, kita kena bekerjasama tanpa ilusi. Sehubungan itu, biarlah kita mengambil kritikan Malaysia dengan cara kita sendiri," katanya.

Mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dilaporkan berkata, seperti melapah seekor kucing ada banyak cara untuk melapah Singapura dalam persaingan ekonomi antara kedua-dua negara; Prof Jayakumar berkata:

"Apa pun nama yang terpaksa kita (Singapura) telan untuk sekian lama ini, Singapura akan terus hidup dan maju. Ada yang kata, kucing ada sembilan nyawa dan tidak ada kucing yang sanggup dibiarkan untuk dilapah."

Laporan itu turut memetik Prof Jayakumar sebagai berkata, Singapura diminta untuk "bertolak ansur dengan semangat kejiranan", biarpun semua dakwaan dilemparkan kepada republik itu.

Beliau berkata, komen berkenaan mencadangkan bahawa Singapura perlu setuju kepada kebimbangan Malaysia, baik sama ada jika ia dibentangkan secara formal atau disokong dengan fakta.

"Apa juga perkara yang kita terima mengenai kebimbangan Malaysia akan menjadi petanda kepada sensitiviti Singapura kepada negara jiran," katanya.

Sementara itu, laporan itu turut memetik Menteri Pertahanan Tony Tan yang mengatakan Singapura sudah sekian lama menjadi "penerima" kepada kenyataan berunsur musuh sejak beberapa minggu lalu.

"Kadang kala mereka (Malaysia) bercakap mengenai peperangan. Singapura perlukan pasukan keselamatan yang dapat memastikan cakap mengenai perang itu hanya sebagai satu percakapan," katanya.

Tan juga dipetik sebagai berkata, hubungan yang tidak menentu antara kedua negara bukan menjadi pilihan Singapura.

Ini kerana, katanya, Singapura lebih senang untuk menumpukan kerjasama dengan negara ini dalam semua sektor - ekonomi, budaya, pendidikan dan keselamatan.

"Namun, dari masa ke semasa, mood hubungan dua hala ini bertukar menjadi buruk dan Singapura perlu yakin bahawa ia dapat diselesaikan dengan baik dan bukan bertindak kasar. Pasukan Tentera Singapura memberi kita keyakinan itu," katanya.

(END)